

PENCAPAIAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM) 2022

PENGELUARAN LAPORAN STATISTIK

Sepanjang tahun 2022, DOSM telah berjaya mengeluarkan 1,549 buah penerbitan statistik yang meliputi sektor ekonomi (259 penerbitan), sosial (1,255 penerbitan) dan umum (49 penerbitan). Daripada jumlah ini, sebanyak 217 penerbitan dikeluarkan secara bulanan, 68 penerbitan secara suku tahunan, 283 penerbitan secara tahunan dan 995 penerbitan daripada dapatan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. Disamping itu, DOSM juga telah menyediakan dan mengedarkan sebanyak 264 *Stats Alert* melalui emel kepada lebih kurang 5960 penerima tetap.

VIDEO FROM CRADLE TO GRAVE

Video "*From Cradle to Grave*" merupakan video yang memaparkan kepentingan statistik dalam kehidupan. Video ini memaparkan statistik yang diterbitkan oleh DOSM secara keseluruhan termasuk statistik demografi, sosial dan ekonomi. Dikongsikan pautan YouTube video tersebut (<https://www.youtube.com/watch?v=hIBQbIFtCJM>) untuk rujukan bersama.

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN

DOSM sentiasa peka dengan kemajuan teknologi dan kehendak pengguna yang memerlukan data yang cepat dan mudah untuk di capai. Justeru, DOSM telah membangunkan pelbagai sistem penyampaian statistik secara atas talian (Online Services) seperti portal (7 portal), Visual Interaktif (5), Aplikasi Mudah Alih (2) dan Dashboard (13). Dashboard merupakan produk baharu DOSM yang dilihat lebih efisien dalam sistem penyampaian statistik yang mula mendapat perhatian seperti Population and Housing Census of Malaysia Dashboard (MyCenDash), OpenDOSM, Kawasanku, MyDemography dan Malaysia Input-Output Table (MyIOT)

MEDIA SOSIAL

DOSM sentiasa menggunakan sumber-sumber yang ada untuk digunakan sebagai medium penyampaian statistik seperti media sosial. Media sosial DOSM di @StatsMalaysia telah berjaya digunakan sepenuhnya untuk hebahan statistik terkini negara.

Info terkini berkenaan @StatsMalaysia

- Facebook berjaya mengumpul pengikut sebanyak 44,067 *followers*.
- Twitter : 12,280 *followers* dan telah menghasilkan sebanyak 7,202 *tweets*.
- Instagram : 8,175 *followers* dan memaparkan sebanyak 4,328 *posts*
- YouTube : 2,066 *subscribers*, menghasilkan sebanyak 400 video dan berjaya mengutip penonton sebanyak 179,728 *views*

AKTIVITI DAN PROGRAM 2022

Sepanjang tahun 2022, DOSM telah mengadakan **166 aktiviti dan program** yang berbentuk Kursus/seminar, Majlis Perasmian, Kunjungan Hormat/Persidangan seperti berikut:

a. PERSIDANGAN MYSTATS

Persidangan MyStats merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ILSM). MyStats 2022 adalah persidangan kali ke-9 yang diadakan pada 4-5 Oktober 2022 dengan tema Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan.

b. SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA (HSN)

Sambutan Hari Statistik Negara 2022 merupakan sambutan kali ke-6 sejak pengiktirafannya sebagai Hari Statistik Negara pada tahun 2015. Sambutan kali ini agak berbeza dengan sambutan tahun-tahun sebelum kerana ILSM disambut bersekali dengan sambutan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia. Pelbagai aktiviti dan program disediakan dalam Karnival Statistik pada 20-22 Oktober 2022 yang diadakan di ILSM, Sungkai Perak seperti penganjuran

Forum Perdana Ehwat Islam, pameran dan jualan, demonstrasi dan sesi ceramah oleh Agensi Kerajaan. Penganjuran HSN 2022 yang bersifat mendekati masyarakat telah berjaya menarik seramai 5000 pengunjung ke tapak Karnival Statistik.

- Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M.) Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan telah berkenan berangkat ke majlis Forum Perdana Ehwat Islam ini dan turut dihadiri oleh 1500 orang jemputan termasuk komuniti setempat.
- Majlis Perasmian Karnival Statistik 2022 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

SUKAN STATISTIK KEBANGSAAN 2022

Sukan Statistik Kebangsaan kali ke-13 (SSK 2022) telah diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak Darul Ridzuan pada 27 – 29 Oktober 2022 yang dikendalikan oleh DOSM Perak bersama DOSM Negeri Zon Utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang) dimana sebanyak 29 jenis permainan sukan telah dipertandingkan. Johan keseluruhan SSK 2022 adalah DOSM Zon Sabah Sarawak dan Naib Johan adalah DOSM Ibu Pejabat dan ILSM.

Kapsul aktiviti Jan – Mac 2022 : <https://fb.watch/hK6uc2TTNP/>

Terdapat **30 aktiviti** yang telah dijalankan oleh DOSM pada Januari hingga Mac 2022.

- Majlis Pelancaran- 3
- Kunjungan Hormat/Muhibah- 11
- Bengkel/Seminar- 10
- Mesyuarat/Perbincangan- 4
- Lain-lain- 2

Kapsul aktiviti April – Jun 2022 : <https://fb.watch/hK6vUk5Tk6/>

Terdapat **40 aktiviti** yang telah dijalankan oleh DOSM pada April hingga Jun 2022.

- Majlis Pelancaran- 5
- Kunjungan Hormat/Muhibah- 16
- Bengkel/Seminar- 11
- Mesyuarat/Perbincangan- 3
- Lain-lain- 5

Kapsul aktiviti Julai – September 2022 : <https://fb.watch/hK6sFRKV3k/>

Terdapat **34 aktiviti** yang telah dijalankan oleh DOSM pada Julai hingga September 2022.

- Majlis Pelancaran- 3
- Kunjungan Hormat/Muhibah- 8
- Bengkel/Seminar- 17
- Mesyuarat/Perbincangan- 4
- Lain-lain- 2

Kapsul aktiviti Oktober - Disember 2022

Terdapat **62 aktiviti** yang telah dijalankan oleh DOSM pada Oktober hingga Disember 2022.

- Majlis Pelancaran- 4
- Kunjungan Hormat/Muhibah- 5
- Bengkel/Seminar- 25
- Mesyuarat/Perbincangan- 1
- Lain-lain- 27

PROGRAM ANTARABANGSA

DOSM telah menyertai 198 program antarabangsa yang melibatkan 1,076 orang pegawai di peringkat antarabangsa dan dijemput sebagai tenaga pengajar, panel, pembentang kertas penyelidikan dalam 25 mesyuarat kumpulan pakar, kursus, bengkel dan antarabangsa yang melibatkan 41 orang pegawai.

Sehingga kini, DOSM telah diiktiraf sebagai ahli dalam 53 Jawatankuasa, Kumpulan Pakar, Kumpulan Kerja, Persatuan di peringkat antarabangsa dan dilantik sebagai pengerusi dan naib pengerusi mesyuarat suruhanjaya dan kumpulan pakar di rantau ASEAN dan Asia Pasifik.

LANDSKAP EKONOMI MALAYSIA 2022

Ekonomi global terus berdepan pelbagai cabaran pada tahun 2022. Peningkatan kadar inflasi, pencerobohan Rusia ke atas Ukraine dan pandemik COVID-19 telah mendorong kepada pelaksanaan dasar monetari yang lebih ketat di kebanyakan rantau. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia kekal berada pada trajektori positif yang disokong oleh peningkatan permintaan domestik, pasaran buruh yang bertambah baik dan sokongan dasar yang berterusan. Perkembangan ini turut dapat dilihat melalui aktiviti ekonomi yang kembali normal apabila negara memasuki fasa peralihan ke endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa mulai suku tahun kedua 2022. Isyarat progresif dan positif ini telah menjadi pemangkin yang amat diperlukan oleh pertumbuhan ekonomi negara pada sepanjang tahun.

Meninjau prestasi bagi sembilan bulan pertama (Januari – September) 2022, pemulihan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan dapat dilihat melalui pengembangan 9.3 peratus berbanding 2.9 peratus pada tempoh yang sama 2021. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan telah menjadi pemacu dari sudut pengeluaran. Semua sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan positif kecuali sektor Pertanian. Sumbangan sektor Perkhidmatan meningkat kepada 58.1 peratus (2021: 56.9%), sekali gus mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan mengekalkan sumbangan 24.2 peratus, manakala 16.6 peratus disumbangkan oleh sektor Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian dan Pembinaan (2021: 17.9%).

Peningkatan Berterusan Sektor Luaran

Perdagangan barangan Malaysia meneruskan momentum kukuh dengan melepasi paras RM2 trilion dalam tempoh yang lebih pantas, sembilan bulan pertama 2022 berbanding 11 bulan pada 2021, manakala eksport melepasi paras RM1 trilion dalam tempoh lapan bulan. Bagi tempoh sebelas bulan pertama 2022, jumlah perdagangan meningkat 29.9 peratus kepada RM2.6 trilion dengan eksport meningkat 27.2 peratus kepada RM1.4 trilion manakala import meningkat 33.3 peratus kepada RM1.2 trilion. Imbangan dagangan merekodkan lebihan RM227.9 bilion, meningkat 2.6 peratus

berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan eksport dipacu oleh Barangan elektrik dan elektronik (E&E) (+RM135.6 bilion, +33.4%), Keluaran petroleum bertapis (+RM60.8 bilion, +76.0%) dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (+RM30.3 bilion, +31.6%). Sementara itu, kenaikan import dipacu oleh Barangan E&E (+RM79.7 bilion, +28.1%), Keluaran petroleum bertapis (+RM52.2 bilion, +67.7%) dan Petroleum mentah (+RM35.5 bilion, +261.2%).

Senario Pasaran Buruh yang Meyakinkan

Malaysia menyaksikan prestasi pasaran buruh yang meyakinkan dan optimistik selepas pelaksanaan normalisasi semua aktiviti ekonomi dan sosial. Perkembangan positif ini dilihat sebagai pemacu kepada pasaran pekerjaan yang lebih kukuh dan kadar pengangguran yang lebih rendah, terutamanya menjelang penghujung 2022. Tenaga Buruh pada Oktober 2022 mencatatkan peningkatan berterusan kepada 16.7 juta orang (Januari 2022: 16.4 juta orang), sekali gus meningkatkan bilangan penduduk bekerja kepada 16.1 juta orang (Januari 2022: 15.7 juta orang). Bilangan penganggur berkurangan kepada 602.0 ribu orang (Januari 2022: 680.4 ribu orang), dengan kadar pengangguran yang bertambah baik 3.6 peratus (Januari 2022: 4.2%). Bilangan penduduk di luar tenaga buruh menyusut kepada 7.2 juta orang (Januari 2022: 7.3 juta orang), sekali gus meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh kepada 69.9 peratus (Januari 2022: 69.1%).

Inflasi makanan meningkat, manakala harga pengeluar menyederhana berikutan peningkatan perlahan harga sebahagian komoditi

Ekonomi global pada 2022 kekal mencabar mengambil kira tekanan inflasi akibat krisis Russia-Ukraine yang berlarutan serta gangguan rantaian bekalan di seluruh dunia. Selain itu, aktiviti ekonomi global mengalami kelembapan secara lebih meluas, di samping kadar inflasi yang lebih tinggi berbanding beberapa dekad yang lalu.

Inflasi Malaysia bagi tempoh Januari hingga November 2022 dicatatkan pada 3.4 peratus berbanding 2.3 peratus bagi tempoh yang sama 2021. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.6%),

Pengangkutan (4.7%) dan Restoran & Hotel (4.7%). Peningkatan dalam Makanan & Minuman Bukan Alkohol disumbangkan oleh kenaikan komponen Makanan di luar rumah (6.4%) dan Makanan di rumah (5.3%). Antara barangan yang mencatatkan peningkatan bagi Makanan di luar rumah ialah Roti Canai (9.9%), Nasi campur (9.3%) dan Masakan berasaskan sayur-sayuran (8.8%). Sementara itu, antara subkumpulan yang mencatatkan peningkatan bagi Makanan di rumah ialah Daging (8.6%) dan Susu, keju & telur (7.7%). Ayam yang merupakan komponen terbesar dalam subkumpulan Daging (46.1%) menunjukkan peningkatan 10.4 peratus berbanding 3.3 peratus yang dicatatkan dalam tempoh Januari hingga November 2021. Kenaikan subkumpulan Susu, keju & telur disumbangkan terutamanya peningkatan harga telur (13.1%) dan susu sejat dan susu pekat manis (13.1%).

Kumpulan Pengangkutan dalam tempoh 11 bulan 2022, meningkat 4.7 peratus berbanding 11.1 peratus yang dicatatkan dalam tempoh yang sama 2021. Peningkatan yang lebih perlahan ini didorong terutamanya oleh kesan asas berikutan penetapan harga Petrol RON95 dan Diesel masing-masing pada RM2.05 dan RM2.15 sejak Mac 2021.

Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (pengeluaran tempatan) meningkat 8.1 peratus berbanding 9.4 peratus pada tempoh yang sama 2021 disumbangkan oleh peningkatan indeks Perlombongan (13.5%) dan indeks Pembuatan (8.6%). Kenaikan yang lebih perlahan ini didorong terutamanya oleh peningkatan harga komoditi yang lebih stabil seperti petroleum mentah yang mencatatkan kenaikan 7.6 peratus dan Minyak sawit mentah (14.8%). Bagi tempoh Januari hingga November 2021, harga Petroleum mentah dan Minyak sawit mentah masing-masing meningkat 47.7 peratus dan 31.8 peratus.